



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## IBU PEJABAT LHDNM AKAN BERPINDAH KE CYBERJAYA

Kuala Lumpur, 27 Oktober – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia memaklumkan bahawa, Ibu Pejabatnya akan berpindah dan memulakan operasinya di bangunan baru yang terletak di Cyberjaya, Selangor. Justeru, Blok 9 di Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur yang menempatkan ibu pejabatnya sekarang akan dikosongkan secara berperingkat-peringkat mulai 16 November 2011. Perpindahan ini akan melibatkan penempatan semula 1,400 orang staf daripada 19 Bahagian dan Jabatan di Ibu Pejabat LHDNM.

Menurut Dato' Dr. Mohd Shukor Mahfar, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Menara Hasil Cyberjaya yang mempunyai ketinggian 20 tingkat dengan kos pembinaan RM 275 juta tersebut bukan sahaja akan menjadi satu mercu tanda baru di Cyberjaya, malah ia menggambarkan kemajuan LHDNM sebagai Pentadbir Cukai Terunggul di negara ini. Kejayaan ini pastinya akan menjadi pendorong kepada semua Warga Hasil untuk terus melipatgandakan usaha bagi memastikan kutipan cukai langsung dipertingkatkan dan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan rakyatnya berpendapatan tinggi dapat direalisasikan.

Buat sementara waktu ini pihak LHDNM tidak dapat memberikan senarai penuh alamat dan nombor telefon baru jabatan-jabatan yang terlibat dengan perpindahan tersebut. Maklumat-maklumat berkenaan hanya akan dipaparkan melalui laman sesawang rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) setelah semua urusan berkaitan diselesaikan.

LHDNM memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi oleh pelanggan yang ingin berurus sepanjang tempoh perpindahan tersebut.

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

# # #

|                                |   |   |
|--------------------------------|---|---|
| <b>Dikeluarkan oleh</b>        | : | <b>Masrun bin Maslim</b><br><b>Pegawai Perhubungan Awam</b><br><b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b> |
| <b>Tarikh</b>                  | : | <b>27 Oktober 2011</b>  |
| <b>Nombor Telefon</b>          | : | <b>03-6203 1380</b>   |
| <b>Nombor Faks</b>             | : | <b>03-6201 2434</b>   |
| <b>Pusat Khidmat Pelanggan</b> | : | <b>1-300-88-3010</b><br><b><u>www.hasil.gov.my</u></b>  |